

DASAR DAN ETIKA PENYELIDIKAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

SEMAKAN 2025

ISI KANDUNGAN

1.	Objektif	1
2.	Definisi.....	1
3.	Prinsip Utama Penyelidikan	4
4.	Dasar Penyelidikan Universiti Sains Malaysia.....	5
4.1	Integriti dan Etika dalam Penyelidikan	5
4.2	Hasil Penyelidikan	7
4.3	Penerbitan.....	8
4.4	Sumber Penyelidikan	11
4.5	Kolaborasi Penyelidikan	13
4.6	Pengurusan dan Strategi Penyelidikan.....	13
	Rujukan.....	15
	Senarai Lampiran.....	16
	Lampiran 1. Kategori Salah Laku Penyelidikan.....	17
	Lampiran 2. Definisi Integriti (adaptasi daripada <i>The Malaysian Code of Responsible Conduct in Research 2017</i>).....	18
	Lampiran 3. Etika Penerbitan (adaptasi daripada <i>The Malaysian Code of Responsible Conduct in Research 2017</i>).....	19
	Lampiran 4. Dasar Penarikan Penerbitan Jurnal (Policy on Journal Publication Retraction)	20
	Lampiran 5. Penulisan Afiliasi	26
	Lampiran 6. Peranan dan fungsi Majlis Penyelidikan Universiti	27
	Pautan kepada maklumat tambahan	28

DASAR DAN ETIKA PENYELIDIKAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

1. Objektif

Objektif Dasar dan Etika Penyelidikan Universiti Sains Malaysia (USM) ini adalah untuk:

- a) Menjadi panduan kepada para penyelidik di USM dalam menjalankan penyelidikan dan inovasi.
- b) Membudayakan penyelidikan yang berinovasi dalam kalangan ahli akademik dan penyelidik.
- c) Mewujudkan ekosistem penyelidikan yang kondusif dan berkesan yang memanfaatkan Universiti dan negara.
- d) Memastikan penyelidikan dan inovasi dijalankan dengan penuh integriti dan beretika.

2. Definisi

Dalam Dasar dan Etika Penyelidikan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

- 2.1 “Ahli akademik” ertinya seseorang yang dilantik menjadi pengajar atau penyelidik oleh Universiti mengikut Perlembagaan Universiti, dan termasuklah profesor, profesor kehormat, profesor kunjungan, profesor adjung, profesor madya, felo penyelidikan, felo pengajar, penolong profesor, pensyarah kanan, pensyarah kunjungan, penolong pensyarah, guru bahasa dan tutor.
- 2.2 “Ciplakan” ertinya satu perbuatan membentangi, memetik, menyalin, memparafrasa atau menyebarkan idea, imej, proses, karya, data, perkataan sendiri atau orang lain atau sumber tanpa memberi perakuan, rujukan atau petikan yang betul kepada sumber asalnya. Perbuatan ciplakan merujuk kepada yang tertera dalam Dasar Universiti Sains Malaysia terhadap Ciplakan termasuklah apa-apa pindaan atau tambahan yang dibuat dari semasa ke semasa.
- 2.3 “Dasar Harta Intelek” ertinya Polisi Harta Intelek dan Pengkomersialan Universiti, termasuk apa-apa pindaan atau tambahan yang dibuat dari semasa ke semasa.
- 2.4 “Dana penyelidikan” ertinya sumber kewangan bagi melaksanakan sesuatu penyelidikan sama ada daripada kerajaan Malaysia, industri, badan bukan kerajaan (NGO), agensi antarabangsa dan lain-lain organisasi pemberi dana penyelidikan.
- 2.5 “Harta Intelek” ertinya hak milik yang wujud, atau diperolehi secara paten, hak cipta, cap dagangan, reka bentuk industri, reka bentuk susun atur litar bersepadu, petunjuk geografi, variasi tanaman, rahsia dagangan dan hak-hak lain yang

dihasilkan daripada aktiviti intelektual dalam bidang perindustrian, komersial, saintifik, sastera dan seni.

- 2.6 “Integriti” merujuk kepada “Keselarasan antara apa yang dikatakan oleh individu dengan apa yang dikotakannya; keselarasan antara tindakannya dengan prinsip moral, etika dan undang-undang; serta keselarasan antara kepentingan diri dengan kepentingan umum (Pelan Integrasi Nasional).
- 2.7 “Kod atau Amalan Terbaik Penyelidikan” ertinya kod atau garis panduan amalan terbaik penyelidikan yang diterima pakai oleh Universiti termasuklah apa-apa pindaan atau tambahan yang dibuat dari semasa ke semasa.
- 2.8 “Hasil Penyelidikan” ertinya adalah hasil penyelidikan yang telah dipersetujui semasa menerima dana penyelidikan terutama penerbitan dan pembangunan bakat, dan/atau penghasilan harta intelek dan hasil yang boleh dikomersialkan.
- 2.9 “Pekerja” ertinya mana-mana orang yang diambil kerja oleh Universiti di bawah Perlembagaan Universiti atau mana-mana statut.
- 2.10 “Pelajar” ertinya seseorang pelajar berdaftar, selain pelajar di institusi bersekutu dengan Universiti, yang mengikuti kursus pengajian, pengajaran, latihan atau penyelidikan daripada apa-apa perihalan pada peringkat persediaan, pra-siswazah, pascasiswazah atau pasca kedoktoran secara sepenuh masa atau sambilan dalam, oleh atau daripada Universiti dan termasuk pelajar pengajian jarak jauh, luar kampus, pertukaran dan pelajar tidak berijazah.
- 2.11 “Penyelidik” ertinya mana-mana ahli akademik, pekerja dan pelajar Universiti yang menjalankan penyelidikan.
- 2.12 “Penyelidikan” adalah didefinisikan sebagai “penyiasatan asal dijalankan untuk memperoleh pengetahuan dan pemahaman. Ia merangkumi kerja yang mempunyai kaitan langsung dengan keperluan sektor komersial, industri, serta sektor awam dan sukarela, kegiatan ilmiah, penciptaan dan penghasilan idea, imej, persembahan, artifak termasuk reka bentuk yang membawa kepada pandangan baharu atau penambahbaikan ketara terhadap pemahaman sedia ada; serta penggunaan pengetahuan sedia ada dalam pembangunan berasaskan pengalaman bagi menghasilkan bahan, peranti, produk dan proses baharu atau yang telah diperbaiki secara signifikan, termasuk reka bentuk dan pembinaan. Ia tidak termasuk ujian rutin dan analisis rutin terhadap bahan, komponen dan proses yang dijalankan bagi penyelenggaraan piawaian kebangsaan — berbeza daripada pembangunan teknik analisis baharu. Ia juga tidak termasuk pembangunan bahan pengajaran yang tidak mengandungi unsur penyelidikan asal. (Terjemahan Bahasa Malaysia daripada United Kingdom Research Assessment Exercise, RAE, 2005).
- 2.13 “Peraturan Kewangan Universiti” ertinya peraturan berkaitan kewangan yang diterima pakai oleh Universiti termasuklah apa-apa pindaan atau tambahan yang dibuat dari semasa ke semasa.

- 2.14 “Penerbitan” ertinya hasil penulisan dan karya yang telah diterbitkan terutamanya dalam bentuk artikel penyelidikan dalam jurnal terindeks yang dikenal pasti dan diterima pakai oleh Universiti, buku, bab dalam buku dan monograf.
- 2.15 “Universiti” ertinya Universiti Sains Malaysia (USM).

3. Prinsip Utama Penyelidikan

- 3.1 Penyelidikan di USM adalah satu aktiviti profesional utama yang dilakukan oleh semua ahli akademik sepanjang kerjayanya dan perlu diseimbangkan dengan tanggungjawab akademik, pentadbiran dan lain-lain.
- 3.2 Penyelidikan perlu untuk dijalankan sesuai dengan bidang kepakaran dan keserjanaan penyelidik selaras dengan keberadaan Penyelidik di sebuah Universiti Penyelidikan.
- 3.3 Semua penyelidikan yang dijalankan oleh Penyelidik hendaklah menjurus ke arah penyelidikan transdisiplinari sejajar dengan pencapaian visi dan misi Universiti.
- 3.4 Penyelidik Universiti layak memohon dana penyelidikan bagi menampung penyelidikan dan Penyelidik perlu mencapai hasil penyelidikan yang telah dipersetujui semasa menerima dana penyelidikan seperti tertulis dalam perjanjian penerimaan dana penyelidikan
- 3.5 Semua hasil penyelidikan perlulah di manfaat dan dikongsi bersama masyarakat dan industri dan/atau di terjemah dan disebarikan untuk penyelidikan selanjutnya, percambahan ilmu dan/atau pengkomersialan.
- 3.6 Semua penyelidikan yang dijalankan di Universiti digalakkan melibatkan pelajar.
- 3.7 Semua penyelidik Universiti adalah komited untuk mencapai kecemerlangan penyelidikan dengan berintegriti dan beretika tinggi dalam semua usaha penyelidikan.
- 3.8 Universiti tidak akan bertolak ansur terhadap sebarang bentuk salah laku dalam penyelidikan. Butiran salah laku penyelidikan adalah seperti di **Lampiran 1**.
- 3.9 Penyelidikan yang dijalankan di Universiti ini hendaklah menghormati nilai dan maruah kemanusiaan dan/atau tindakan berperikemanusiaan ke atas haiwan.
- 3.10 Penyelidikan yang dijalankan di Universiti hendaklah menjamin kesejahteraan dan keselamatan pekerja, pelajar dan alam sekitar.
- 3.11 Penyelidikan yang dijalankan di Universiti hendaklah menjamin kesejahteraan dan keselamatan negara.

4. Dasar Penyelidikan Universiti Sains Malaysia

4.1 Integriti dan Etika dalam Penyelidikan

- 4.1.1. Penyelidik Universiti wajib menjalankan penyelidikan dengan berintegriti. Rujuk **Lampiran 2** Definisi Integriti, sebagai panduan yang diguna pakai Universiti yang bersesuaian dengan obligasi, statutori, kontrak dan etika.
- 4.1.2. Semua penyelidikan yang dijalankan oleh ahli akademik dan pelajar termasuk projek penyelidikan yang dijadikan sebagai sebahagian daripada program pengajaran hendaklah pada tahap etika yang tinggi berpandukan kod-kod etika dan garis panduan termasuk Kod Amalan Terbaik Penyelidikan Malaysia (*Malaysian Code of Responsible Conduct in Research*). (**Lampiran 3**)
- 4.1.3. Penyelidikan yang dibuat hendaklah bertanggungjawab dan tidak melibatkan sebarang salah laku (**Lampiran 1**) termasuklah pematuhan tatacara kewangan dan integriti akademik yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.
- 4.1.4. Pihak Universiti tidak berkompromi terhadap sebarang salah laku yang melibatkan geran dan aktiviti penyelidikan. Sebarang ketidakpatuhan terhadap tatacara Dasar dan Etika Penyelidikan ini akan boleh menyebabkan seseorang Penyelidik dibawa ke prosiding tatatertib Universiti untuk tindakan disiplin.
- 4.1.5. Sebarang aduan terhadap salah laku di bawah Dasar dan Etika Penyelidikan ini bolehlah dirujuk kepada Jawatankuasa Dasar dan Etika Penyelidikan.
- 4.1.5. Semua penyelidikan berkaitan manusia atau haiwan perlu mematuhi etika penyelidikan berpandukan kod atau garis panduan etika penyelidikan berkaitan manusia atau haiwan yang diterima pakai oleh Universiti.
- 4.1.6. Semua penyelidikan menggunakan organisma terubahsuai genetik perlu mematuhi Polisi dan Garis Panduan Keselamatan Makmal dan Biosekuriti Malaysia.
- 4.1.7. Sebarang projek penyelidikan dan penggunaan sumber penyelidikan hendaklah tidak melibatkan sebarang kepentingan peribadi berpandukan peraturan dan undang-undang sedia ada.
- 4.1.8. Penyelidik perlu menjadikan projek yang menggunakan kemudahan Universiti, dana Universiti atau dana yang diberi melalui Universiti sebagai projek Universiti dan bukan sebagai projek yang memberi faedah peribadi.

- 4.1.9 Semua penyelidik yang terlibat dalam penyelidikan kolaborasi hendaklah prihatin dan mematuhi semua dasar dan perjanjian bertulis yang melibatkan penyelidikan tersebut.
- 4.1.10 Penyelidik perlu memastikan kecerdasan buatan (AI) atau seumpamanya digunakan dengan bertanggungjawab, mematuhi peraturan kebangsaan, kod etika penyelidikan, dan amalan terbaik. Penggunaan beretika melibatkan ketelusan dalam cara alat-alat ini dibangunkan dan digunakan, mengelakkan bias dalam algoritma dan menjaga privasi serta keselamatan data.
- 4.1.11 Mana-mana Penyelidik yang melanggar Dasar dan Etika Penyelidikan Universiti Sains Malaysia boleh dikenakan tindakan tatatertib menurut peruntukan di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000 (Akta 605) demi memastikan pemeliharaan integriti, ketaatan kepada prinsip etika, dan kelestarian budaya penyelidikan yang bertanggungjawab di Universiti.

4.2 Hasil Penyelidikan

- 4.2.1 Sebagai sebuah Universiti Penyelidikan, setiap penyelidikan perlu memberikan hasil dapatan kajian yang boleh dimanfaatkan oleh masyarakat umum dan industri termasuklah impak komuniti, harta intelek dan pengkomersialan, modal insan (bakat penyelidikan), penerbitan, kertas kerja, dokumentasi atau laporan penyelidikan.
- 4.2.2 Penyelidik bertanggungjawab untuk mencapai hasil dan petunjuk prestasi penyelidikan sepertimana dipersetujui dalam Borang Perakuan Penerimaan Geran dan Surat Akuan Menjalankan Penyelidikan.
- 4.2.3 Dalam penghasilan harta intelek, semua penyelidik dan pekerja Universiti perlu mematuhi Dasar Harta Intelek Universiti (*rujuk Pusat Inovasi dan Perundingan (CIC) untuk panduan carta alir harta intelek*).
- 4.2.4 Sebarang hasil dapatan kajian termasuk idea inovasi adalah hak milik USM kecuali hendaklah dilindungi melalui *Non Disclosure Agreement (NDA)* sekiranya melibatkan kolaborasi yang mungkin menghasilkan harta intelek baharu pada masa hadapan dengan pihak industri, Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan agensi luar.
- 4.2.5 Pengkomersialan hasil atau produk penyelidikan perlulah mendapat kebenaran pihak Universiti melalui Pusat Inovasi dan Perundingan.
- 4.2.6 Menggalakkan perkongsian hasil penyelidikan untuk diterjemahkan ke dalam bentuk *micro-credential*, MOOC, visual dan multimedia di laman sesawang, media sosial dan platform lain yang berkaitan.

4.3 Penerbitan

- 4.3.1 Semua penyelidik termasuk penerima geran komuniti, perlu melibatkan diri dalam aktiviti pengkaryaan seperti penulisan seterusnya penerbitan memandangkan kepentingannya kepada kemajuan, perkembangan dan pemerkasaan ilmu.
- 4.3.2 Penerbitan adalah hasil penulisan dan karya dalam bidang dan diterbitkan sama ada dalam bentuk bercetak atau elektronik, oleh penerbit yang diiktiraf. Penerbitan adalah hasil dan petunjuk prestasi penyelidikan utama daripada banyak penaja dana penyelidikan dan harus diberi perhatian oleh semua penyelidik.
- 4.3.3 Penyelidik digalakkan men depositkan data penyelidikan ke dalam OpenData@USM. Sekiranya syarat penerbitan memerlukan perkongsian dan akses terbuka kepada data penyelidikan, maka data tersebut wajib didepositkan ke dalam OpenData@USM. Semua hasil kesarjanaan pelajar wajib didepositkan ke dalam Repository@USM (tertakluk pada terma dan syarat). Semua penerbitan yang mempunyai afiliasi USM wajib didepositkan ke dalam e-Publication@USM (rujuk Laman Web Perpustakaan <https://lib.usm.my>). Penerbitan di Open Access perlu mematuhi Polisi Open Access.
- 4.3.4 Sekiranya Penyelidik hendak menarik semula penerbitan yang telah diterbitkan, perlulah mematuhi tatacara yang telah ditetapkan oleh Universiti. Penarikan penerbitan adalah dibenarkan atas alasan munasabah seperti yang dinyatakan di dalam Dasar Penarikan Penerbitan Jurnal (*Policy on Journal Publication Retraction*). Tindakan tatatertib terhadap penarikan semula penerbitan hanya akan diambil terhadap penarikan yang disebabkan oleh penciplakan. (**Lampiran 4**)
- 4.3.5 Semua penerbitan yang dihasilkan perlu mematuhi kod penerbitan dan kod pengarang yang diterima pakai oleh Universiti termasuk *The Malaysian Code of Responsible Conduct in Research* yang terkini, *The Vancouver Protocol on authorship*, *The Guidelines of the International Committee of Medical Journal Editors* (ICMJE) dan Dasar Ciplakan Universiti.
- 4.3.6 Penerbitan secara terbatas atau tertanggung boleh dilakukan atas pertimbangan-pertimbangan yang bersesuaian seperti pematuhan kepada kontrak, kerahsiaan dan perlindungan harta intelek.
- 4.3.7 Semua hasil penerbitan daripada penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik Universiti atau yang menggunakan sumber-sumber daripada Universiti atau yang dianugerahkan melalui Universiti mestilah menyatakan Universiti Sains Malaysia sebagai afiliasi.
- 4.3.8 Untuk memastikan setiap penerbitan Universiti dikenal pasti dan diiktiraf dengan tepat, semua penyelidik hendaklah menyatakan **Universiti Sains**

Malaysia sebagai institusi utama manakala Unit/Pusat Pengajian yang berkenaan boleh disenaraikan sebagai maklumat tambahan di dalam afiliasi. Rujuk **Lampiran 5** sebagai panduan penulisan afiliasi.

- 4.3.9 Semua penerbitan yang dihasilkan daripada geran penyelidikan yang menggunakan dana kerajaan atau Universiti wajib merakamkan penghargaan kepada penaja/pembiaya geran/skim insentif dengan menyatakan nombor akaun/rujukan geran. Kegagalan menyatakan penghargaan ini akan menyebabkan KPI geran dianggap tidak tercapai.

Contoh penulisan penghargaan:

- a) Sekalung penghargaan kepada (nama penaja) melalui pembiayaan kewangan melalui (nama geran) (nombor projek/geran).
- b) Acknowledgement to the Ministry of Higher Education Malaysia for Fundamental Research Grant Scheme with Project Code: FRGS/X/XXXX/SKKXX/USM/XX/X.

Keperluan pernyataan penghargaan bagi geran selain dana kerajaan dan Universiti adalah tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh penaja masing-masing.

- 4.3.10 Penyelidik perlu memastikan penerbitan diterbitkan di dalam jurnal yang berwasit.
- 4.3.11 Pemilihan jurnal untuk penerbitan perlu mengambil kira jurnal berindeks (Web of Science, Scopus, Excellence of Research Australia (ERA), MyCite, MAPIM).
- 4.3.12 Penyelidik perlu menyemak senarai jurnal dalam bidang berkaitan untuk mengelakkan penerbitan di dalam jurnal pemangsa dan yang disenaraihitamkan oleh Universiti atau Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.
- 4.3.13 Penyelidik juga dinasihatkan untuk memastikan pautan laman sesawang jurnal adalah sah dan tidak diragui.
- 4.3.14 Penyelidik harus memastikan penerbitan dicirikan oleh nombor ISBN, ISSN, e-ISSN dan DOI yang mengikut piawaian metadata yang diiktiraf.
- 4.3.15 Penerbitan dalam Penerbit USM adalah digalakkan.
- 4.3.16 Penerbitan *Open Access* adalah dibenarkan tanpa menjejaskan kualiti penerbitan dan kelestarian kewangan.
- 4.3.17 Penerbitan yang menggunakan aplikasi kecerdasan buatan (AI) perlulah diisytiharkan di dalam laporan akhir yang dihantar ke pihak Universiti.

Contoh penulisan penggunaan AI:

During the preparation of this work, the author(s) used [name of AI tool] to [describe purpose of use]. The author(s) subsequently reviewed and edited the content as necessary and take full responsibility for the final content of this report and any resulting publication.

- 4.3.18 Mana-mana penyelidikan yang melibatkan pelajar, hasil dapatan penyelidikan harus diterbitkan bersama-sama pelajar tersebut.
- 4.3.19 Penyelidik (pelajar, pegawai Q, pegawai sains, felo akademik dan sebagainya), perlu memastikan setiap penerbitan diterbitkan bersama staf akademik USM.
- 4.3.20 Penyelidik yang telah bergraduan, tamat kontrak, atau tidak berkhidmat lagi dengan USM, Penyelidik tersebut masih boleh menggunakan afiliasi Universiti sekiranya mereka masih mempunyai hubungan aktif dengan Universiti, seperti pelantikan kehormat, mengendalikan geran penyelidikan Universiti, membimbing pelajar, berstatus profesor emeritus/emerita, atau menjalankan aktiviti penyelidikan lain yang diluluskan oleh pihak Universiti.

Namun, sekiranya tiada lagi hubungan formal atau sah dengan Universiti dalam tempoh 12 bulan, penggunaan afiliasi Universiti Sains Malaysia adalah tidak dibenarkan tanpa kelulusan Naib Canselor.

4.4 Sumber Penyelidikan

- 4.4.1 Peruntukan dan penggunaan dana penyelidikan dari kerajaan Malaysia dan sumber luar (bukan kerajaan) adalah tertakluk kepada tatacara perbendaharaan di bawah Peraturan Kewangan Universiti melainkan terdapat persetujuan bertulis di antara Universiti dan pihak pembiaya.
- 4.4.2 Ketua Projek dan Penyelidik Bersama dalam penyelidikan adalah bertanggungjawab ke atas setiap perbelanjaan yang dibuat berdasarkan cadangan penyelidikan yang telah diluluskan. Pengurusan kewangan wajib dibuat dengan penuh etika dan integriti.
- 4.4.3 Semua geran penyelidikan mestilah didaftarkan dengan Universiti. Penyelidik digalakkan untuk mendapatkan dana penyelidikan dari pelbagai sumber terutamanya sumber-sumber bukan kerajaan (industri, NGO, agensi antarabangsa dan sebagainya). Semua geran dan dana penyelidikan yang diterima oleh penyelidik mestilah mematuhi dasar dan tadbir urus Universiti. Geran yang diterima terus ke dalam akaun penyelidik, termasuk daripada sumber seperti ahli keluarga, pelajar, atau rakan, hanya dibenarkan tertakluk kepada peraturan dan kelulusan rasmi Universiti. Walau bagaimanapun, dana tersebut mesti diuruskan mengikut garis panduan kewangan dan tadbir urus Universiti, termasuk tetapi tidak terhad kepada pelaporan yang telus, penggunaan yang sah, serta pematuhan kepada tujuan dan etika penyelidikan yang ditetapkan oleh Universiti.
- 4.4.4 Sekiranya penyelidik tidak mendaftarkan geran tersebut dengan Universiti (melalui RCMO, USAINS atau BJIM), kedudukan penyelidik sebagai penyelidik utama tidak akan diambil kira bagi tujuan kenaikan pangkat. Semua aset penyelidikan termasuk peralatan, perisian dan pangkalan data yang diperoleh serta baki peruntukan sesuatu penyelidikan adalah menjadi hak milik Universiti apabila tamat sesuatu projek penyelidikan, kecuali hak milik tersebut dituntut oleh pembiaya geran mengikut perjanjian yang ditandatangani
- 4.4.5 Sekiranya penyelidikan (geran/makmal/pusat penyelidikan) memerlukan perjawatan sumber manusia, ia perlu mendapatkan persetujuan dan kelulusan pihak Universiti.
- 4.4.6 Universiti berhak untuk menolak pembiayaan penyelidikan daripada sumber-sumber yang diragui oleh Universiti.
- 4.4.7 Sekiranya penyelidikan melibatkan pertukaran atau perkongsian sesuatu bahan digalakkan untuk menandatangani Material Transfer Agreement (MTA) melalui Pejabat Perundangan Universiti.
- 4.4.8 Bagi sebarang geran yang berunsur padanan, penyelidik perlu memastikan telah mendapat kelulusan untuk penggunaan dana dalaman daripada

Bahagian Penyelidikan dan Inovasi sebelum membuat permohonan.
Kelulusan adalah tertakluk kepada kecukupan dana.

4.5 Kolaborasi Penyelidikan

- 4.5.1 Universiti menggalakkan kolaborasi penyelidikan antara bidang, jabatan, agensi, industri, komuniti, institusi dan kerajaan dari dalam dan luar negara yang diiktiraf oleh Universiti. Namun begitu, penyelidik perlu membuat penilaian terhadap rakan kolaborasi dan menolak mana-mana pihak yang diragui.
- 4.5.2 Kolaborasi penyelidikan hendaklah memberi manfaat kepada Universiti.
- 4.5.3 Penyelidik digalakkan menyediakan satu ikatan perjanjian dengan rakan kolaborasi melalui Pejabat Perundangan.

4.6 Pengurusan dan Strategi Penyelidikan

- 4.6.1 Universiti memainkan peranan penting dalam pengambilan dan pembangunan bakat penyelidikan. Penyelidik yang berpengalaman digalakkan untuk melibatkan pensyarah baru sebagai pelapis untuk kesinambungan dan pementapan kumpulan kepakaran.
- 4.6.2 Universiti sentiasa menyediakan persekitaran penyelidikan yang sesuai termasuk memberikan kemudahan dan menyelenggara infrastruktur asas sedia ada bagi penyelidikan pada setiap masa.
- 4.6.3 Universiti sentiasa mengenal pasti dan menyokong perkembangan kepakaran dalam bidang tujahan (*niche area*), meneroka bidang-bidang baru dan memperkukuh bidang-bidang penyelidikan sedia ada yang relevan.
- 4.6.4 Universiti sentiasa menggalakkan staf mengambil bahagian dalam penyelidikan berkumpulan dan rentas bidang bagi menambah impak hasil penyelidikan, memastikan kelestarian penyelidikan dan penggunaan sumber secara optima.
- 4.6.5 Universiti perlu memastikan hasil penyelidikan adalah berimpak tinggi dan memberi manfaat kepada masyarakat dan industri.
- 4.6.6 Universiti memberikan penganugerahan atau pengiktirafan yang bersesuaian kepada staf yang cemerlang dalam penyelidikan dan/atau dalam aktiviti pengkomersialan yang menjana pendapatan kepada Universiti.
- 4.6.7 Universiti menyediakan platform untuk menyokong aktiviti pengkomersialan, penemuan, penyelidikan, dan pembangunan teknologi di Universiti.
- 4.6.8 Universiti menggalakkan kolaborasi Universiti-industri-komuniti dalam aktiviti pemindahan teknologi, perundingan, program akademik dan Latihan serta perkara-perkara berkaitan.

- 4.6.9 Universiti memberi penyelidik autonomi penuh bagi menguruskan projek penyelidikan masing-masing termasuk aspek kewangan dengan syarat semua Peraturan Kewangan Universiti adalah dipatuhi.
- 4.6.10 Bagi sebarang geran yang berunsur padanan, penyelidik perlu memastikan telah mendapat kebenaran untuk penggunaan dana dalaman daripada Bahagian Penyelidikan dan Inovasi sebelum membuat permohonan.
- 4.6.11 Peranan dan fungsi Majlis Penyelidikan Universiti adalah seperti yang dinyatakan di **Lampiran 6**
- 4.6.12 Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi (TNC P&I) bertanggungjawab merumus, memantau, dan menilai keberkesanan pelaksanaan dasar ini dengan memastikan ia selaras dengan aspirasi Universiti serta keperluan semasa. TNC P&I berperanan meluluskan dan menyelia pelaksanaan dasar melalui pengesyoran Jawatankuasa Dasar dan Etika Penyelidikan (JDEP). Peranan ini akan disemak semula dari semasa ke semasa melalui JDEP bagi mengekalkan kerelevanan dan keberkesanan dasar.

Rujukan

Dasar Universiti Sains Malaysia Terhadap Ciplakan.

[https://legal.usm.my/v3/images/01PDF/Dasar Universiti Sains Malaysia Terhadap Ciplakan.pdf](https://legal.usm.my/v3/images/01PDF/Dasar%20Universiti%20Sains%20Malaysia%20Terhadap%20Ciplakan.pdf)

National Advisory Committee for Laboratory Animal Research (NACLAR). (2022). Guidelines on the Care and Use of Animals for Scientific Purposes (2nd Ed.). Singapore: NACLAR. [https://www.nparks.gov.sg/-/media/naclar-guidelines-\(second-edition\)_v2.ashx](https://www.nparks.gov.sg/-/media/naclar-guidelines-(second-edition)_v2.ashx)

Parker, L., Boughton, S., Bero, L., & Byrne, J. A. (2024). Paper mill challenges: past, present, and future. *Journal of Clinical Epidemiology*, 176, 111549.

The Declaration of Helsinki. (2022, September 9). WMA Declaration of Helsinki – Ethical Principles for Medical Research Involving Human Subjects. Adopted by the 18th WMA General Assembly, Helsinki, Finland (1964 June) <https://www.wma.net/policies-post/wma-declaration-of-helsinki-ethical-principles-for-medical-research-involving-human-subjects/>

The Guidelines of the International Committee of Medical Journal Editors (ICMJE). (2022, May). Recommendations for the Conduct, Reporting, Editing, and Publication of Scholarly Work in Medical Journals. <https://www.icmje.org/recommendations/>

Kod Amalan Terbaik Penyelidikan Malaysia (*The Malaysian Code of Responsible Conduct in Research*) 2017. <https://www.akademisains.gov.my/asm-publication/the-malaysian-code-of-responsible-conduct-in-research-2nd-edition/>

Senarai Lampiran

Lampiran 1. Definisi Salah Laku Penyelidikan

Lampiran 2. Definisi Integriti (adaptasi daripada The Malaysian Code of Responsible Conduct in Research 2017)

Lampiran 3. Etika Penerbitan (adaptasi daripada The Malaysian Code of Responsible Conduct in Research 2017)

Lampiran 4. Tatacara Siasatan Amalan Salah Laku Penyelidikan

Lampiran 5. Dasar Penarikan Penerbitan Jurnal (*Policy on Journal Publication Retraction*)

Lampiran 6. Penulisan Afiliasi

Lampiran 7. Peranan dan Fungsi Majlis Penyelidikan Universiti

Lampiran 1. Kategori Salah Laku Penyelidikan

Salah laku dalam penyelidikan merangkumi kategori / aktiviti / tindakan berikut:

1. **Penciptaan dan Pemalsuan Data:** Mengubah atau memanipulasi data, imej, dokumentasi atau aspek penyelidikan secara tidak sah, termasuk menyediakan data palsu, memalsukan maklumat penyelidikan, atau mengubah persetujuan peserta bagi tujuan yang tidak wajar.
2. **Plagiarisme / Ciplakan:** Mengambil atau menggunakan idea, harta intelek, atau kerja orang lain tanpa pengakuan atau kebenaran, sama ada secara langsung atau tidak langsung.
3. **Salah Pentafsiran Data:** Memberikan tafsiran data yang salah.
4. **Pelanggaran etika penyelidikan manusia dan haiwan:** Tidak menjaga kerahsiaan, membahayakan peserta yang terlibat di dalam penyelidikan, atau tidak mematuhi keperluan etika dan perundangan.
5. **Penyekatan atau Penahanan Data Awam (*Withholding Public Data*):** Tidak berkongsi atau menahan data awam yang relevan tanpa alasan yang munasabah, sehingga menjejaskan ketelusan dan kebolehpercayaan hasil penyelidikan.
6. **Penyalahgunaan Dana dan Sumber Penyelidikan:** Menggunakan dana, kemudahan, atau peralatan penyelidikan untuk tujuan selain daripada skop yang diluluskan.
7. **Pelanggaran Tatacara Kewangan:** gagal mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan oleh Jabatan Bendahari termasuk membeli barang tidak menggunakan ePerolehan.
8. **Kilang Penulisan (*Paper mill*):** Menghasilkan, menjual, atau mengedar hasil penulisan akademik — termasuk artikel, tesis, atau laporan penyelidikan untuk digunakan oleh individu lain sebagai karya sendiri (Parker, et al., 2024)
9. **Kegagalan mematuhi terma yang ditetapkan oleh pemberi dana:** milestones & laporan ... tidak buat laporan dalam tempoh yang ditetapkan.
10. **Salah Laku Penyelidikan Lain:** Sebarang penyelewengan atau perlakuan tidak wajar yang boleh merosakkan integriti dan kebolehpercayaan penyelidikan, termasuk boncengan gratis dan penerbitan dalam jurnal yang disenarai hitam (predatory journal). Contoh boncengan gratis yang tidak dibenarkan:
 - a. Nama dimasukkan sebagai pengarang bersama tanpa sumbangan intelektual yang bermakna.
 - b. Menyertakan nama rakan atau kenalan sebagai penulis bersama bagi tujuan timbal balik, kepentingan peribadi, atau meningkatkan peluang penerbitan.
 - c. Penyelia, penyelidik kanan atau pegawai atasan menuntut pengiktirafan dalam penerbitan tanpa penyertaan sebenar.
 - d. Individu disenaraikan sebagai ahli projek penyelidikan tetapi tidak terlibat dalam pelaksanaannya.

Lampiran 2. Definisi Integriti (adaptasi daripada *The Malaysian Code of Responsible Conduct in Research 2017*)

1. **Kejujuran** dalam menjalankan penyelidikan dengan memastikan kesesuaian objektif dan kaedah/metodologi yang telah dinyatakan dalam kertas cadangan yang telah diluluskan. Kejujuran dalam memilih kaedah analisis, pembentangan keputusan dan dalam menyatakan kegunaan dan hasil daripada penyelidikan tanpa sebarang penipuan atau penyelewengan.
2. **Kebolehpercayaan dalam menjalankan penyelidikan** termasuk sikap dan kesungguhan, ketelitian dan memastikan keputusan penyelidikan boleh dihasilkan semula.
3. **Objektiviti dalam penyelidikan** termasuk bebas daripada sebarang kecenderungan kepada kepentingan dan kepercayaan peribadi. Keputusan penyelidikan hanya disimpulkan daripada bukti penyelidikan, sebab-sebab saintifik yang jelas dan metodologi yang kukuh dan bukan semata-mata rekaan atau kepercayaan sendiri.
4. **Ketelusan dan kebebasan** daripada melakukan penyelidikan yang boleh mendatangkan konflik atau mempunyai sebarang konflik dalam kepentingan termasuk bersama pemberi dana, kumpulan penyelidik dan lain-lain.
5. **Keterbukaan dan kebolehcapaian** termasuk keterbukaan Penyelidik kepada pelbagai pandangan walaupun bercanggah dengan apa yang didapati daripada pemerhatian dan keputusan penyelidikan sendiri; menghormati pandangan yang berlainan. Kejujuran dalam komunikasi sains sesama Penyelidik dan orang awam. Data terhasil perlu disimpan tetapi mudah untuk dicapai jika diperlukan.
6. **Tanggungjawab untuk menjaga** subjek-subjek penyelidikan termasuk manusia, haiwan dan sample tidak bernyawa supaya dapat mengurangkan sebarang risiko gangguan atau kemusnahan kepada subjek. Memastikan keselamatan, kesejahteraan, maruah dan kehormatan bahan penyelidikan terjaga. Mengambil langkah wajar untuk tidak menyumbang kepada kemusnahan alam sekitar termasuk berjimat dalam penggunaan sumber, berhemah dalam pengurusan dana penyelidikan dan mengurangkan sisa melalui penyelidikan yang dijalankan.
7. **Keadilan dalam memberi rujukan dan kredit** kepada mereka yang terlibat sama dalam penyelidikan termasuk Penyelidik bersama, rakan kolaborasi, penulis bersama, penyumbang, pemberi dana, dan institusi penyelidikan (Universiti) di mana penyelidikan dijalankan.
8. **Bertanggungjawab kepada sains dan Penyelidik masa hadapan** dalam memastikan untuk memberi latihan dan mentor yang mencukupi bagi memastikan kelestarian dalam penyelidikan termasuk perkongsian metodologi dan menyiapsediakan lapisan Penyelidik

Lampiran 3. Etika Penerbitan (adaptasi daripada The Malaysian Code of Responsible Conduct in Research 2017)

1. Kepengarangan (authorship) adalah satu aspek terpenting dalam penerbitan dan perlu diambil berat supaya tidak timbul sebarang konflik.
2. Antara ciri-ciri pengarang adalah:
 - a. Mempunyai sumbangan dalam membuat reka bentuk dan konseptualisasi penyelidikan.
 - b. Menyusun atur dan membuat penyelidikan termasuk dalam urusan pengumpulan dan menganalisis data.
 - c. Membuat draf penulisan secara signifikan dan memberikan input kritikal sewaktu penulisan.
 - d. Memberi sumbangan intelektual yang signifikan dalam manuskrip yang dihasilkan.
3. Kata sepakat perlu dicapai dalam menentukan nama dan tertib aturan nama pengarang di dalam manuskrip serta pelantikan penulis koresponden.
4. Penulis utama perlu mempunyai konsensus dan persetujuan daripada semua penulis bersama sebelum penulisan dilakukan dan sepanjang proses penerbitan berlaku.
5. Memastikan tiada ciplakan dan sebarang salah laku yang melanggar etika dalam penerbitan yang boleh menjejaskan kewibawaan seorang Penyelidik Universiti.

Lampiran 4. Dasar Penarikan Penerbitan Jurnal (Policy on Journal Publication Retraction)

Executive Summary

Retractions of journal publications are essential mechanisms to preserve the integrity and reliability of scientific literature. As a premier institution committed to excellence in research and education, Universiti Sains Malaysia (USM) recognizes the need for a comprehensive policy that addresses the retraction of published research articles. This policy paper outlines the procedures that USM will implement concerning the retraction of scientific publications.

The key objectives of this policy are to ensure the integrity of scientific records, provide clear and transparent guidelines for the retraction process, ensure fair treatment of all parties involved, and educate researchers on best practices to prevent misconduct and errors. The policy applies to all research articles published by USM-affiliated authors, regardless of the journal or publisher.

The policy defines retraction as the removal of a published paper from the scientific record due to research-related issues, technical issues, ethical issues, duplications and authorship issues, among others. All retractions will be acknowledged by Jawatankuasa Dasar dan Etika Penyelidikan (JKDEP) USM through sufficient records and information to be provided by the authors. By implementing this policy, USM aims to uphold the highest standards of academic integrity, maintain the credibility of its research output, and foster a culture of ethical research practices.

1. INTRODUCTION

Retraction of journal publications occurs when significant errors, misconduct, or other issues that compromise the validity of the research are identified. Retractions are essential to correct the scientific record and maintain trust in scholarly communication.

2. OBJECTIVES

- 2.1 To ensure the integrity and reliability of the scientific record.
- 2.2 To provide clear, transparent, and consistent guidelines for handling retractions.
- 2.3 To ensure fair and just treatment of all parties involved in retraction cases.
- 2.4 To educate researchers on best practices to avoid errors and misconduct.

3. SCOPE

This policy applies to all research articles published by faculty, researchers, and students affiliated with USM, irrespective of the journal or publisher.

4. DEFINITIONS

- 4.1 Retraction:** The removal of a published paper from the scientific record due to errors or misconduct.
- 4.2 Misconduct:** Includes plagiarism, fabrication, falsification, and unethical research practices.

5. GROUNDS FOR RETRACTION

- 5.1 Research-related issues** Example: evidence of plagiarism, data fabrication, or falsification.
- 5.2 Technical issues** Example: errors that significantly affect the validity or reliability of the findings.
- 5.3 Ethical issues** Example: violations of ethical guidelines in research, improper consent, or animal treatment.
- 5.4 Duplication of publication** Example: redundant publication or duplication of findings without proper citation.
- 5.5 Authorship issues** Example: significant disputes or errors in authorship attribution.

6. RETRACTION PROCESS (SELF-INITIATED OR NON-SELF-INITIATED)

Retractions can be initiated by authors, journal editors, or third parties (e.g., reviewers). The corresponding author should fill in the Notice of Retraction (NoR) form (**Appendix I**), and the form should be submitted to JKDEP for acknowledgement. The process flow is available in **Appendix II**.

7. ROLES AND RESPONSIBILITIES

JK Dasar & Etika Penerbitan (JKDEP) USM: To acknowledge the reason for retraction.

Corresponding Author: To fill in the NoR form and provide sufficient information as required by JKDEP.

ePublication Team: To update the status of retracted publication in the ePub database.

8. IMPLICATIONS AND ACTIONS

- 8.1** In any cases of retraction, the researcher must submit a formal explanation letter to the Deputy Vice-Chancellor (Research and Innovation) with a copy furnished to the Dean of the respective School / Centre of Excellence.
- 8.2** In cases where a journal retraction occurs due to ethical breaches such as plagiarism, data fabrication, or research misconduct, the University reserves the right to take appropriate action against the individual(s) involved.
- 8.3** The University reserves the right to revoke any monetary awards or incentives previously granted (eg: Anugerah Sanggar Sanjung) for the publication if research integrity violations are confirmed.
- 8.4** Actions may be taken within five (5) years from the date of publication or from the date the misconduct is verified. After five years, no action will be pursued.

9. MONITORING AND REVIEW

This policy will be reviewed regularly by JKDEP to ensure its effectiveness and relevance. Feedback from faculty, researchers, and other stakeholders will be incorporated into revisions.

10. CONCLUSION

Implementing a robust policy on journal publication retraction is crucial for maintaining the credibility of research at Universiti Sains Malaysia. This policy provides a clear framework to address retractions transparently and fairly, thereby upholding the highest standards of academic integrity.

Prepared by:

Task Force Kajian Data Penerbitan USM | 24 October 2024




**NOTICE OF JOURNAL PAPER RETRACTION
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

This form is to be completed by authors who wish to retract their published paper. Please provide detailed information and attach supporting documents.

A. General Information	
Title of paper	
Journal name	
Volume/Issue	
Publication date	
DOI	
B. Author information	
Corresponding author	
Affiliation	
e-mail address	
Phone number	
C. Reason for retraction	
Please indicate the reason(s) for the retraction (check all that apply):	
<input type="checkbox"/> Research-related issues <input type="checkbox"/> Technical issues <input type="checkbox"/> Ethical Issues (e.g., improper consent, animal treatment violations) <input type="checkbox"/> Duplication of Publication <input type="checkbox"/> Authorship Issues <input type="checkbox"/> Other (please specify):	
Detailed explanation: <i>(Provide a detailed explanation of the reasons for retraction. Attach additional sheets if necessary (e.g. communication with publisher))</i>	



**FLOWCHART OF PAPER RETRACTION
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**



Lampiran 5. Penulisan Afiliasi

1. Format turutan penulisan afiliasi di dalam penerbitan adalah seperti berikut:
 - a) Baris pertama (tidak wajib): Unit
Contoh: Discipline of Social and Administrative Pharmacy
 - b) Baris kedua (wajib): Pusat Pengajian
Contoh: School of Pharmaceutical Sciences
 - c) Baris ketiga (wajib): Institusi
Contoh: Universiti Sains Malaysia
2. Jika Penyelidik mempunyai lebih daripada satu afiliasi, masukkan afiliasi kedua dan seterusnya sebagai afiliasi yang berbeza.
3. Tuliskan afiliasi dengan ejaan yang betul tanpa menggunakan singkatan, akronim atau gabungan lain. Contoh penulisan yang betul dan salah adalah seperti berikut:
 - a) Nama Universiti
Universiti Sains Malaysia = betul
University Science Malaysia = salah
USM = salah
 - b) Nama Unit
Department of Nursing = betul
Dept. of Nursing = salah
4. Afiliasi hendaklah dieja sebagai nama khas (huruf besar di awal perkataan), kecuali bagi perkataan 'of' dan 'and'. Contohnya:
Department of Anatomy and Physiology = betul
Department of anatomy & physiology = salah
5. Sebarang kemusykilan atau pertanyaan tentang cara memasukkan afiliasi yang betul, boleh berhubung terus dengan pihak Perpustakaan atau salurkan ke menu "Ticket" di sistem e-Publication USM.
6. Berikut merupakan senarai rasmi afiliasi yang boleh digunakan oleh Penyelidik USM (tertakluk pada perubahan semasa). Senarai boleh dirujuk melalui Laman Web Perpustakaan di menu "Guidelines for USM Affiliation" (<https://lib.usm.my/index.php/academicians-researchers/publication-guide>). Nanti library bagi url baru.

Lampiran 6. Peranan dan fungsi Majlis Penyelidikan Universiti

Tugas dan tanggungjawab Majlis Penyelidikan Universiti (MPU) seperti yang digariskan di dalam Terma Rujukan MPU adalah seperti berikut:

1. Majlis Penyelidikan Universiti (MPU) sebagai pihak berkuasa di dalam hal-hal penyelidikan dan inovasi Universiti dan pihak berkuasa di dalam menggubal dasar dan hala tuju penyelidikan dan inovasi Universiti.
2. MPU bertindak sebagai pihak berkuasa tertinggi di dalam meluluskan kod etika serta garis panduan penyelidikan dan inovasi Universiti.
3. MPU berperanan memastikan aktiviti penyelidikan di USM kekal relevan bagi keperluan masyarakat, industri dan kerajaan melalui peningkatan hasil dan penyelidikan yang relevan.
4. MPU membantu menyelesaikan perkara berkaitan dengan dasar dan prosedur yang menghalang penyelidikan dan inovasi.
5. MPU menasihati Universiti daripada aspek penyelidikan, termasuk mensasarkan peluang dan cabaran bagi memastikan Universiti kekal bersaing dan maju di barisan depan arena penyelidikan.

Pautan kepada maklumat tambahan

1. Pautan kepada The Malaysian Code of Responsible Conduct in Research adalah <https://www.akademisains.gov.my/asm-publication/the-malaysian-code-of-responsible-conduct-in-research-2nd-edition/>
2. Pautan kepada Dasar Ciplakan Universiti https://legal.usm.my/images/01PDF/Dasar_Universiti_Sains_Malaysia_Terhadap_Ciplakan.pdf